

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421

USAHAWAN BAYAR ZAKAT, LAHIR LEBIH RAMAI USAHAWAN

Nor Alhana Abd Malik¹, Siti Saidatul Akmal Arishin¹, Sharifah Sari Datu Asal¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Kota Kinabalu, Sabah

*Koresponden: noral801@uitm.edu.my

Zakat adalah ibadah yang difardhukan ke atas muslim mukallaf serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak. Kemudian, ia diagihkan kepada asnaf yang berhak menerimanya (Yusuf al-Qardhawi, 1996). Antara tujuan pensyariatannya adalah tanggungjawab ke atas harta dalam melaksanakan tanggungjawab sosial sesama umat Islam. Jenis zakat ialah zakat fitrah dan zakat harta. Zakat perniagaan merupakan salah satu daripada zakat harta yang dikenakan ke atas aset perniagaan (istilah arabnya ialah 'urud al-tijarah yang bermaksud semua barang yang diniagakan untuk tujuan mendapat keuntungan) (Yusuf al-Qardhawi, 1996).

Zakat daripada usahawan

Usahawan sinonim dikaitkan dengan aktiviti perniagaan. Syarat utama seseorang muslim dikenakan zakat perniagaan ialah perniagaan yang halal yang mencapai nisab dan haul. Di Malaysia, jumlah kutipan zakat perniagaan merupakan antara penyumbang tertinggi dari jumlah kutipan zakat tahunan yang diterima oleh kebanyakan institusi zakat negeri. Namun begitu, situasi pandemik yang berlaku pada tahun 2020 menyebabkan kutipan jumlah kutipan bagi tahun 2020 telah menurun berbanding tahun 2019 di beberapa buah negeri. Walaubagaimanapun, jumlah pembayar zakat telah meningkat pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Zakat kepada usahawan

Dana zakat yang dibayar oleh para usahawan diagihkan semula kepada asnaf yang memerlukan. Institusi zakat negeri adalah antara pihak yang mendokong program pembangunan ekonomi terutamanya dalam kalangan asnaf melalui dana zakat. Pelbagai skim bantuan telah diperkenalkan termasuklah skim bantuan bagi melahirkan usahawan dalam kalangan asnaf. IsmaAddi (2007) mendefinisikan usahawan asnaf sebagai individu yang perlu melalui suatu proses penciptaan usaha niaga bagimemastikan mereka mampumemikul bebanan tanggungjawab sebagai usahawan serta mempunyai keyakinan untuk menyertai bidang perniagaan dengan rangsangan berupa dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Bentuk bantuan tersebut terdiri daripada bantuan modal, bantuan peralatan dan bantuan kemahiran dan latihan.

Institusi zakat juga mengadakan kerjasama dengan institusi atau agensi lain dalam menjalankan program keusahawanan asnaf. Antaranya ialah:

i) Program ISHRAF hasil kerjasama SME Bank dan YAPEIM yang melibatkan usahawan Asnaf dari enam buah negeri dan salah satunya ialah negeri Sabah. Program ini merupakan satu inisiatif pembangunan usahawan asnaf bersaiz mikro dan kecil. Di Sabah, SME Bank berkolaborasi dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi menjayakan program ISHRAF 2.0 pada tahun 2021. 10 orang peserta daripada kalangan usahawan asnaf telah dipilih menyertai program. Objektifnya adalah untuk membolehkan golongan asnaf meningkatkan kemahiran dan mengembangkan serta mengekalkan perniagaan mereka dengan menggunakan teknologi digital.

ii) Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) juga telah diwujudkan dengan kerjasama antara MAIWP, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corporation Malaysia (SME Corp). Program yang bermula pada tahun 2019 telah melatih seramai 84 usahawan asnaf dan berjaya menjana nilai jualan terkumpul sebanyak RM1.32 juta.



Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Pahang, Kamarudin Mohd Daut dan Dr Asmadi Abdul Rahman (tiga dari kanan) bersama sebahagian 134 usahawan asnaf yang menerima bantuan zakat. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

Agihan zakat perniagaan oleh SSM Pahang kepada Usahawan asnaf


Selain itu juga, terdapat beberapa agensi perniagaan turut sama terlibat dalam program pembangunan usahawan asnaf. Contohnya, seperti gambar di atas, pihak SSM, Pahang telah mengagihkan zakat perniagaannya sebanyak RM134,000 kepada usahawan asnaf yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini adalah hasil kerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) (Berita Harian, 10 November 2021).

Penutup

Hadis Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagian mengukuhkan yang lainnya" (Riwayat Muslim, no.2585).

Perumpamaan daripada hadith ini memberi gambaran bahawa seorang mukmin yang membantu seorang mukmin yang lain adalah ibarat sebuah bangunan yang teguh. Bangunan yang teguh memerlukan bahan seperti simen, batu, besi yang digabungkan untuk membina dinding, lantai, tiang dan sebagainya bagi sebuah bangunan. Adanya bangunan teguh itu, dapatlah memberi manfaat sebagai tempat perlindungan, penginapan dan tempat berteduh.

Begitu jugalah peranan zakat yang dikutip daripada kalangan usahawan dapat membantu bakal usahawan asnaf. Bukan sahaja bantuan penyediaan modal malah perkongsian ilmu, kemahiran dan kepakaran. Lebih ramai usahawan muslim dapat dilahirkan, lebih banyak keperluan umat Islam dapat dipenuhi dengan hasil produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ia sejajar dengan kempen "Buy Muslim First"(BMF) yang diusahakan oleh usahawan Muslim di negara kita. Sosioekonomi usahawan asnaf dapat ditingkatkan dan menjadikan mereka bakal pembayar zakat pada masa hadapan.



Sumber : Laman Web Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Laman Web Institusi Zakat Negeri

Jumlah Kutipan Zakat

Jadual 1 : Skim Bantuan dan Program Usahawan Asnaf oleh Intitusi Zakat di Malaysia

Institusi Zakat	Program/Skim	Bentuk Bantuan
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	Program Pembangunan Asnaf	Bantuan sokongan sendiri (kewangan/barangan/peralatan), Pusat kemahiran/Projek Agrikultur/Kursus Jahitan
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Program Pembangunan Asnaf Program Pembangunan Ekonomi	Bantuan modal (perniagaan, perikanan, penternakan, pertanian, perusahaan mobil) / kursus/ latihan/Pasar Rakyat Asnaf/Pusat latihan/Bengkel Jahitan (D'Asnaf Anggun)
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Program Pembangunan Asnaf	Bantuan modal berdikari/perniagaan dan kursus keusahawanan di bawah sektor ekonomi dan keusahawanan
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	Sokongan Pemuliharaan Perniagaan	Program bengkel kemahiran hidup (Bengkel Jahitan, Sulaman dan Automotif)
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	Pembangunan Asnaf dan Modal	Pusat Pembangunan Asnaf (Bengkel memasak dan menjahit) Bantuan modal perniagaan
Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	Unit Pembangunan Asnaf	Kursus/Bengkel Bantuan modal dan peralatan
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP)	Skim Bantuan Keusahawanan	Bantuan perniagaan, perikanan, pertanian, penternakan, bimbingan keusahawanan, bantuan motosikal OKU, bantuan deposit sewa beli teksis dan kenderaan perniagaan
Pusat Zakat Sabah (PZS)	-	Bantuan untuk menghadiri seminar/bengkel/kursus keusahawanan Bantuan modal perniagaan Bantuan sewaan premis Bantuan insentif/galakan perniagaan
Zakat Pulau Pinang	Program Pembasmian Kemiskinan Pembangunan Keusahawanan	Bantuan modal perniagaan Gerak Asnaf Katering, Gerak Asnaf Jahitan, Gerak Asnaf Tani, Gerak Asnaf Niaga, Gerak Asnaf Kreatif Produk usahawan asnaf Program keusahawanan Program Pembangunan Asnaf (tahunan) Latihan/kursus keusahawanan

Sumber : Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif et.al.(2021)

Skim bantuan dan program usahawan asnaf oleh institusi zakat di Malaysia.

Rujukan

- [1] Isma Addi Jumri (2007), "Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar" dalam Utusan Malaysia On-Line, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 22 Mei 2007
- [2] Maymunah Ismail(2021)Pemeriksaan Program Pembangunan Ekonomi Usahawan Asnaf Melalui Dana Zakat. Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance; Vol. 3(2), , pp. 52-65
- [3] Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif et.al, Model Pembangunan Keusahawanan Asnaf Luar Bandar, Jurnal Sains Insani 2021, Volume 06No 3: 85 <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/366/222>
- [4] Mohd Rafi Mamat, SSM Bagi Zakat kepada 134 usahawan asnaf, Berita Harian,10 November 2021. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/11/885650/ssm-bagi-zakat-kepada-134-usahawan-asnaf>
- [5] Siaran Berita SME, ISHRAF. https://www.mediac.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF/Kenyataan%20media/my/admin/files/med/image/portal/PDF/Kenyataan%20media/SiaranBerita_SME%20Bank%20%20ishraf%202.0%20Final.pdf.
- [6] Yusuf al-Qaradhwai, Hukum Zakat. Salman Harun, Didin Hafiduddin dan Hasanuddin (terj.), Bandung: Litera AntarNusa dan Mizan.